

**Analisis Pengesanan Alamat Tuan Tanah Yang Tepat
Bagi Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah
Di Pejabat Daerah Dan Tanah
Ipoh.**

**Baridatul Amla binti Bidin.
92431756**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Seri Manjong, Perak
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.**

Oktober, 1997.

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan Kertas Projek ini bagi memenuhi sebahagian dari syarat untuk saya memperolehi Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi Mara, Cawangan Perak. Alhamdulillah.

Pertama sekali, saya amat terhutang budi kepada pensyarah bagi matapelajaran Kertas Projek, Encik Mohd. Fauzi bin Harun kerana telah berpenat lelah dan tidak jemu membimbing saya sepanjang tempoh pengajian saya.

Perasaan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada kedua ibubapa tercinta Encik Bidin bin Alang Lazim dan

yang telah banyak memberi bantuan dan sokongan dalam kehidupan saya. Juga kepada adik saya, Baridatul Anita binti Bidin yang

SINOPSIS.

Sebagai sebuah negeri yang sedang pesat membangun, perbelanjaan yang besar adalah diperlukan bagi menampung kos-kos perbelanjaan. Salah satu cara ialah melalui cukai tanah yang dikutip pada setiap tahun ke atas hakmilik-hakmilik yang telah dikeluarkan kepada orang awam atau tertentu. Adalah menjadi kewajipan Pihak Berkuasa Negeri melupuskan tanahmilik kerajaan kepada orang awam yang layak dan Kerajaan Negeri boleh mendapat ganjaran balik berdasarkan cukai tanah yang mesti dijelaskan. Biar pun pemilikan tanah telah dilupuskan namun masih ada segelintir rakyat yang tidak menjalankan tanggungjawab terhadap kerajaan negeri. Oleh itu, Pejabat Tanah adalah ditugaskan untuk memastikan setiap pemilik tanah menjelaskan bayaran cukai tanah pada setiap tahun. Untuk mengesan tuan-tuan tanah tersebut ialah dengan mendapatkan alamat-alamat mereka. Namun begitu, tunggakan tetap juga tinggi kerana tuan-tuan tanah tidak dapat dikesan melalui alamat-alamat yang diperolehi kerana ada yang telah meninggal dunia, berpindah dan sebagainya. Oleh itu berbagai langkah yang sedang diambil hendaklah diteruskan dan undang-undang tanah diperketatkan lagi. Cukai tanah merupakan sumber yang terpenting untuk memajukan dan memakmurkan rakyat seluruh Negeri Perak khususnya.

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	v
SINOPSIS (BAHASA INGGERIS)	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI CARTA	xiii
SENARAI PETA	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan dan Pernyataan Masalah.

Dalam era pembangunan negara sekarang yang semakin pesat memerlukan banyak belanja bagi pengurusan pembangunan tersebut. Perkembangan sains dan teknologi yang canggih terutama dalam pembangunan teknologi maklumat semakin berleluasa penggunaannya untuk membantu pembangunan negara yang mana akhirnya untuk dikecapi oleh semua golongan rakyat dalam negara ini. Negara kita perlu membangunkan prasarana telekomunikasi, elektronik, komputer dan perisiannya yang moden.¹

¹ Abas bin Salleh KMN, Belanjawan 1996 Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, Oktober, 1995, hlm. 29